

19/09/1997

Penyangak musnah prestasi cemerlang

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, krisis pasaran kewangan tempatan sejak beberapa bulan lalu memusnahkan pencapaian cemerlang negara yang dibina sejak 10 tahun lalu.

Ketika membidas penyangak ekonomi luar, Perdana Menteri juga mengakui, keadaan itu merumitkan usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada waktunya, mengikut Wawasan 2020 yang diilhamkan beliau.

Dalam wawancara dengan wartawan agensi berita asing semalam, Dr Mahathir menyesali tindakan pelabur asing melarikan modal kerana takut ekonomi Malaysia turut terdedah kepada masalah yang menghantui Thailand.

Keadaan itu, katanya, adalah punca nilai ringgit turun ke tahap paling rendah sejak diapungkan 24 tahun lalu.

Selain itu, nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh ke paras terendah dalam tempoh empat tahun.

"Mereka memadamkan pencapaian pembangunan negara selama 10 tahun dengan sekelip mata," kata Dr Mahathir yang diwawancara agensi berita Associated Press (AP) dan akhbar Dow Jones.

"Sepuluh tahun lalu, pendapatan per kapita di Malaysia ialah AS\$4,000 (RM12,000). Sekarang, ia sudah mencapai AS\$5,000 (RM15,000).

"Tindakan mereka menjejaskan pencapaian kami sebanyak 20 peratus. Kami kini kembali menerima RM12,000.

"Sekarang, kami perlu bekerja keras hanya untuk memulihkan semula keadaan sedangkan ia tidak sepatutnya begitu," katanya.

Dr Mahathir menekankan, Malaysia perlu mengekalkan kadar pertumbuhan tahunan secara purata sekurang-kurangnya tujuh peratus sehingga tahun 2020 jika mahu mencapai status negara maju.

Penganalisis percaya, ekonomi Malaysia yang berkembang lebih lapan peratus sejak sembilan tahun lalu, akan lebih perlahan tahun ini dengan mencapai pertumbuhan antara enam dan tujuh peratus.

Mereka meramalkan pertumbuhan itu akan terus menurun tahun depan, sebahagiannya kerana nilai ringgit yang lemah selain harga saham turun akibat langkah pelabur asing melarikan modal.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan, beliau akan meneruskan usaha memulihkan pasaran kewangan Malaysia sekalipun tanpa bantuan pelabur berkenaan.

"Usaha kami membangunkan negara mungkin tertangguh selama beberapa tahun.

"Bagaimanapun, kami tidak mahu bergantung kepada mereka.

"Mereka hanya mementingkan bagaimana mendapat keuntungan besar di Malaysia," katanya.

Sejak beberapa minggu lalu, Dr Mahathir mengecam pelabur asing yang dituduhnya sengaja mencipta krisis ekonomi di Malaysia atas motif politik dan perkauman.

Sungguhpun ia mungkin menyebabkan pelabur asing semakin menjauhkan diri, Dr Mahathir menjelaskan, pihak yang berniat 'baik' sedar beliau hanya memarahi mereka yang berniat 'jahat'.

"Kami bergantung kepada orang asing yang berniat baik. Itulah sebabnya saya menerangkan perbezaan tindakan orang luar yang berniat baik," ujarnya.

Beliau sebelum ini menuduh jutawan Yahudi dari Amerika Syarikat, George Soros sebagai pihak yang bertanggungjawab mencetuskan masalah pasaran kewangan Malaysia. - AP

(END)